BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Disember 2018

Inflasi kekal rendah dan stabil pada bulan Disember

Sumbangan kepada Inflasi



*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan kekal rendah pada 0.2% pada bulan Disember (November: 0.2%), terutamanya mencerminkan sumbangan negatif daripada inflasi pengangkutan yang disebabkan oleh kesan asas.
  - Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol juga menurun pada bulan itu (Disember: 0.7%; November: 1.1%).
- Bagi tahun 2018 secara keseluruhan, inflasi berpurata pada 1.0% (2017: 3.7%).
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras pada amnya kekal stabil pada 1.6% (November: 1.6%).

Kadar pertumbuhan perdagangan borong dan runcit lebih tinggi pada bulan November

Sumbangan kepada IOWRT keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks Perdagangan Borong dan Runcit (*Index of Wholesale and Retail Trade, IOWRT*) meningkat kepada 8.4% pada bulan November (Oktober: 8.0%). Hal ini disebabkan oleh segmen runcit yang semakin bertambah baik memandangkan pengguna terus berbelanja meskipun SST dilaksanakan semula pada 1 September 2018.
- Pertumbuhan segmen-segmen borong dan kenderaan motor lebih sederhana pada bulan itu.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



[2]Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pembiayaan bersih[2] mencatatkan pertumbuhan tahunan 6.3% pada bulan Disember (November: 7.3%). Hal ini disebabkan terutamanya oleh terbitan bon korporat terkumpul yang lebih rendah kepada 8.0% (November: 10.5%), mencerminkan kesan asas yang tinggi pada bulan Disember 2017.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul adalah sederhana sebanyak 5.4% pada bulan Disember (November: 6.3%), dengan dorongan utama daripada sektor pembinaan dan harta tanah.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah mampan pada 5.6% (November: 5.7%).

Sorotan Bulanan
Disember 2018

Pasaran kewangan domestik bertambah baik disebabkan oleh sentimen serantau yang lebih menggalakkan



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan domestik pulih pada bulan Disember dalam keadaan dolar Amerika Syarikat (AS) yang semakin lemah dan perkembangan luaran yang menyokong sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau.
  - Ringgit menambah nilai sebanyak 1.2% berbanding dengan dolar AS, didorong terutamanya oleh jangkaan pasaran bahawa kadar pengembalian dasar monetari di AS ke paras wajar adalah lebih perlahan. Sentimen pelabur juga disokong oleh kebimbangan yang semakin reda berhubung dengan isu pertikaian perdagangan global.
  - FBM KLCI meningkat 0.6% berikutan langkah para pelabur mengimbangi semula portfolio pelaburan mereka ke dalam aset serantau di tengah-tengah ketidakpastian mengenai prospek politik dan ekonomi di AS. Keadaan ini adalah susulan penutupan perkhidmatan kerajaan AS dan unjuran pertumbuhan yang lebih rendah oleh Federal Reserve AS.
  - Kadar hasil MGS 5 tahun menyusut 9.5 mata asas meskipun terdapat aliran keluar bukan pemastautin dalam pasaran MGS, susulan belian aktif pelabur institusi domestik yang menambah pemegangan MGS mereka sebanyak RM2.7 bilion pada bulan itu.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh



- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk berhadapan dengan sebarang kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Hal ini demikian kerana terdapat lebihan penampan[3] modal sebanyak RM143 bilion pada bulan Disember 2018.

- Sementara itu, nisbah kecukupan modal hanya mencatat sedikit kenaikan disebabkan sebahagiannya oleh penambahan saham biasa berikutan terdapat skim pelaburan semula dividen.

[3] Merujuk modal yang melebihi keperluan jumlah modal minimum iaitu sebanyak 8% daripada aset berwajaran risiko.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 01/19/08 **Untuk siaran segera**

SOROTAN BULANAN – DISEMBER 2018

Inflasi kekal rendah dan stabil pada bulan Disember

- Inflasi keseluruhan kekal rendah pada 0.2% pada bulan Disember (November: 0.2%), terutamanya mencerminkan sumbangan negatif daripada inflasi pengangkutan yang disebabkan oleh kesan asas.
- Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol juga menurun pada bulan itu (Disember: 0.7%; November: 1.1%).
- Bagi tahun 2018 secara keseluruhan, inflasi berpurata pada 1.0% (2017: 3.7%).
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras [1]pada amnya kekal stabil pada 1.6% (November: 1.6%).

Kadar pertumbuhan perdagangan borong dan runcit lebih tinggi pada bulan November

- Indeks Perdagangan Borong dan Runcit (*Index of Wholesale and Retail Trade, IOWRT*) meningkat kepada 8.4% pada bulan November (Oktober: 8.0%). Hal ini disebabkan oleh segmen runcit yang semakin bertambah baik memandangkan pengguna terus berbelanja meskipun SST dilaksanakan semula pada 1 September 2018.
- Pertumbuhan segmen-segmen borong dan kenderaan motor lebih sederhana pada bulan itu.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pembiayaan bersih[2] mencatatkan pertumbuhan tahunan 6.3% pada bulan Disember (November: 7.3%). Hal ini disebabkan terutamanya oleh terbitan bon korporat

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

terkumpul yang lebih rendah kepada 8.0% (November: 10.5%), mencerminkan kesan asas yang tinggi pada bulan Disember 2017.

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul adalah sederhana sebanyak 5.4% pada bulan Disember (November: 6.3%), dengan dorongan utama daripada sektor pembinaan dan harta tanah.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah mampan pada 5.6% (November: 5.7%).

Pasaran kewangan domestik bertambah baik disebabkan oleh sentimen serantau yang lebih menggalakkan

- Pasaran kewangan domestik pulih pada bulan Disember dalam keadaan dolar Amerika Syarikat (AS) yang semakin lemah dan perkembangan luaran yang menyokong sentimen pelabur terhadap pasaran kewangan serantau.
  - Ringgit menambah nilai sebanyak 1.2% berbanding dengan dolar AS, didorong terutamanya oleh jangkaan pasaran bahawa kadar pengembalian dasar monetari di AS ke paras wajar adalah lebih perlahan. Sentimen pelabur juga disokong oleh kebimbangan yang semakin reda berhubung dengan isu pertikaian perdagangan global.
  - FBM KLCI meningkat 0.6% berikutan langkah para pelabur mengimbangi semula portfolio pelaburan mereka ke dalam aset serantau di tengah-tengah ketidakpastian mengenai prospek politik dan ekonomi di AS. Keadaan ini adalah susulan penutupan perkhidmatan kerajaan AS dan unjuran pertumbuhan yang lebih rendah oleh Federal Reserve AS.
  - Kadar hasil MGS 5 tahun menyusut 9.5 mata asas meskipun terdapat aliran keluar bukan pemastautin dalam pasaran MGS, susulan belian aktif pelabur institusi domestik yang menambah pemegangan MGS mereka sebanyak RM2.7 bilion pada bulan itu

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk berhadapan dengan sebarang kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk. Hal ini demikian kerana terdapat lebihan penampan[3] modal sebanyak RM143 bilion pada bulan Disember 2018.

[3] Merujuk modal yang melebihi keperluan jumlah modal minimum iaitu sebanyak 8% daripada aset berwajaran risiko.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Sementara itu, nisbah kecukupan modal hanya mencatat sedikit kenaikan disebabkan sebahagiannya oleh penambahan saham biasa berikutan terdapat skim pelaburan semula dividen.

Bank Negara Malaysia

31 Januari 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my